



Jejantas yang terletak di Bukit Tunggal menjadi pintu masuk ke Kuala Nerus.



Dataran Tembesu menjadi pusat ekonomi yang semakin berkembang di daerah itu.



LTS di Telaga Batin jadi pintu masuk utama laluan udara.



Jambatan angkat di Seberang Takir jadi mercu tanda Kuala Nerus.



Pasaraya besar yang menjadi tumpuan masyarakat.

dari PARLIMEN ke PARLIMEN

# Kuala Nerus daerah bongsu

Pernah dikenali sebagai Kuala Terengganu Utara, kini pesat membangun

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS

**P**engisytiharan Kuala Nerus sebagai daerah kelapan atau 'bongsu' dalam Terengganu yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 18 September 2014 lalu telah banyak mengubah corak pembangunan di kawasan yang dahulunya dikenali sebagai Kuala Terengganu Utara itu.

Kuala Nerus atau Bandar Al-Wathiqu Billah yang melibatkan Dun Tepuh, Bukit Tunggal, Teluk Pasu dan Seberang Takir itu berkeluasan 39,890 hektar dengan populasi lebih 200,000 penduduk pelbagai latar belakang.

Malah, dianggarkan pertambahan

penduduk ketika ini semakin meningkat berikutan projek perumahan yang begitu pesat dibangunkan di kawasan itu.

Kemajuan di daerah 'bongsu' itu terus berkembang serta mempunyai kelebihan dengan kedudukannya di kawasan lingkaran ilmu berikutan terdapat banyak institusi berkaitan pendidikan seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato' Razali Ismail, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan pelbagai lagi.

Lebih menjadikan Kuala Nerus terus membangun dan menikmati populariti setaraf dengan daerah-daerah lain disebabkan lokasinya di pintu masuk utama ke Terengganu bagi laluan udara memandangkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) terletak di Telaga Batin serta pintu keluar ke Lebuhraya Pantai Timur 2 di Gemuroh.

Malah, pembangunan daerah berkenaan dijangka terus berkembang maju apabila jambatan angkat atau *drawbridge* yang menjadi satulagi mercu tanda Terengganu

bakal siap Oktober ini.

Projek yang termasuk dalam komponen pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Terengganu (KTCC) sepanjang 632 meter yang melibatkan kos lebih RM200 juta itu hampir 90 peratus siap ketika ini.

Jambatan ikonik yang menghubungkan Muara Selatan di pusat bandar raya Kuala Terengganu dan Muara Utara di Seberang Takir itu juga bakal menyelesaikan masalah kesesakan di atas Jambatan Sultan Mahmud.

Justeru, dengan situasi semasa itu turut menjadikan ekonomi di kawasan berkenaan terus melonjak dan ia terbukti dengan wujudnya kawasan perniagaan terutamanya di Dataran Tembesu, selain pasaraya dan sebagainya telah membuka peluang kepada rakyat terutamanya penduduk tempatan meningkatkan pendapatan masing-masing.

Meskipun pembangunan fizikal meliputi kemudahan untuk rakyat serta peluang ekonomi yang lebih banyak dibuka, aspek agama tetap tidak dilupakan terutamanya aktiviti-aktiviti di masjid turut berjalan seiring.



UniSZA antara IPT yang terletak di Kuala Nerus.

• N9 Tepuh

P35 KUALA NERUS

N10 Teluk Pasu

N11 Seberang Takir

N12 Bukit Tunggal



• KEPUTUSAN PRU13



MOHD KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI  
(PAS) - 33,861 (610)

MOHD NASIR B.  
IBRAHIM @ IBRAHIM  
FIKRI (BN) - 33, 251

JUMLAH PENGUNDI: 76,238  
JUMLAH KELUAR MENGUNDI: 67,882 (89%)  
UNDI ROSAK: 770 (1%) MELAYU: 99% CINA: 1%